



ROSAN ZULKIFLI (kiri), Muhammad Fauzi Ahmad (dua dari kiri), Hassan Mohd. Noor (dua dari kanan) dan Japar Sidik Bujang (kanan) bersama pemenang Fun Run katogeri Lelaki Terbuka 18 tahun ke atas sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ke-40 UPM di Bukit Ekspo UPM, Serdang, Selangor, semalam.

UTUSAN MALAYSIA
24/10/2016 P. 40

500 sertai Fun Run sempena ekspo, pesta konvokesyen UPM

SERDANG 23 Okt. - Kira-kira 500 peserta menyertai program Larian Fun Run 5 kilometer sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-40 di Bukit Ekspo Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Larian sejauh lima kilometer di sekitar kawasan UPM itu dilepaskan oleh Pengurus Besar Pemasaran dan Pengedaran Kumpulan Utusan, Rosman Zulkifli.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan iaitu Lelaki dan Wanita Terbuka 18 tahun



UTUSAN MALAYSIA
MINGGUAN MALAYSIA

ke atas, Lelaki dan Wanita Veteran Terbuka 40 tahun ke atas serta Remaja Lelaki dan Wanita Terbuka 17 tahun ke bawah.

Larian bagi mengenali lokasi tertentu di UPM itu menawarkan hadiah-hadiah wang tunai RM100 hingga RM300, serta cabutan bertuah. Sebanyak 500 peserta pertama mendapat kemeja-T, medal dan sijil penyertaan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Rosman serta Pengarah Taman Pertanian Universiti UPM, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang; Penolong Ketua Pengarang Kum-

pulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor dan Pengurus Acara dan Tajaan F&N Marketing, Muhammad Fauzi Ahmad.

Sementara itu, Ekspo Pertanian akan berlangsung sehingga Rabu ini. Pelbagai aktiviti diadakan termasuk pameran produk dan teknologi pertanian, jualan hasil pertanian termasuk susu lembu segar, pelbagai anak pokok buah-buahan dan herba, jualan orkid, klinik pertanian, pameran haiwan ternakan dan permainan.

Kumpulan Utusan pula menawarkan jualan gudang majalah dan buku serta langganan e-paper.



PARA peserta Fun Run menunggu pelepasan dilakukan dalam larian lima kilometer tersebut.